

# Kaki buli digantung sekolah 6 bulan

BERITA HARIAN 26/2/17 M/S 15

➔ Pelajar turut jalani pemulihan di sekolah pemulihan ahlak

## Info

### Hukuman kes buli di sekolah

- ➔ 6 bulan penggantungan kepada ketua buli
- ➔ 2 bulan penggantungan kepada rakan sebangkol atau subahat
- ➔ Sekolah pemulihan ahlak, lokasi pemulihan sepanjang penggantungan



**Mahdzir beramah mesra dengan guru yang hadir pada majlis dialog bersama Menteri Pendidikan di Sungai Petani, semalam.**

**Oleh Petah Wazzan Iskandar**  
wazzan@bh.com.my

➔ Sungai Petani

**B**erkuat kuasa serta-merta, pelajar yang terlibat dengan kes buli, kini berdepan tindakan digantung persekolahan sehingga enam bulan.

Masa sama, mereka juga berdepan dengan tindakan undang-undang, jika kes buli itu turut dilaporkan kepada polis.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid, sudah menandatangani dokumen penguatkuasaan yang memberi kuasa kepada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah, menggantung kaki buli itu.

“Saya menandatangani dokumen itu semalam (kelmarin) bagi membenarkan tindakan menggantung persekolahan sehingga enam bulan

dan pemulihan dilaksanakan.

### Jawatankuasa Disiplin

“Berdasarkan dokumen itu, ketua buli akan dikenakan penggantungan enam bulan, manakala rakan-rakannya selama lapan minggu atau mengikut budi bicara Jawatankuasa Disiplin yang menyiasat kes terlibat.

“Dalam tempoh penggantungan, pelajar terlibat akan menjalani pemulihan di sekolah pemulihan akhir lak mengikut tempoh ditetapkan,” katanya selepas menghadiri majlis dialog bersama Menteri Pendidikan di sini, semalam.

Beliau mendedahkan langkah terbaharu itu ketika mengulas kejadian seorang pelajar perempuan tingkatan satu di Petaling Jaya, terpaksa menerima empat jaitan di kepala akibat dibelrasah dua pelajar tingkatan tiga dalam kejadian buli pada Khamis lalu.

Terdahulu, seramai 1,700 warga pendidik serta wakil Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) menyertai dialog berkenaan bagi mengetahui perkembangan pendidikan dan masa depan sekolah negara ini.

Mahdzir memberi jaminan, sebarang keputusan menggantung itu akan dibuat secara adil dengan siasatan dalaman bagi memastikan pelajar yang terlibat diadili secara tegas.

“Apa jua tindakan akan diambil, perlu ada keadilan dan jawatankuasa terlibat akan menjalankan siasatan sebelum menentukan sebarang keputusan.

“Apabila sesuatu kes buli berlaku, siasatan dalaman akan dilakukan segera sebelum menentukan sebarang tindakan, manakala jika membabitkan kes polis, itu akan diuruskan polis, namun tindakan kita tetap diteruskan,” katanya.